Sayangi Malaysiaku

SAMBUTAN
HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA

S A M B U T A N
HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA
2018



ISBN 978-983-54-0605-8

Cetakan Pertama 2018

Hak Cipta Terpelihara
Jabatan Penerangan Malaysia, 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh

Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Aras 13, Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Persiaran Perdana Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

Laman Web : www.penerangan.gov.my
E-mel : webmaster@inform.gov.my

B.049.(B.M)NOV2018 (002.)

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Lim, Ann Teck
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA 2018 /
KETUA PENGARANG : LIM ANN TECK ; EDITOR : NORHAZUREN HALID ;
TIMBALAN EDITOR : NURHANA HASHIM, FAIZA HANI ABD MONEM@ADNAN
ISBN 978-983-54-0605-8
1. Independece Day (Malaysia). 2. Hari Malaysia.
3. Government publications--Malaysia.
4. Malaysia--Anniversaries, etc.
I. Judul.
394.269595

Dicetak oleh
Attin Press Sdn Bhd

SIDANG PENGARANG

PENAUNG
TUAN GOBIND SINGH DEO
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

PENASIHAT
DATO' HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

KETUA PENGARANG
LIM ANN TECK

EDITOR
NORHAZUREN HALID

TIMBALAN EDITOR
NURHANA HASHIM
FAIZA HANI ABD MONEM @ ADNAN

FOTO
PUSAT SUMBER DAN FOTOGRAFI
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

JURUFOTO
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

KANDUNGAN

3 Petikan kata-kata Perdana Menteri Malaysia
5 Petikan kata-kata Timbalan Perdana Menteri Malaysia
7 Petikan kata-kata Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia
8 Tema, Lagu, Logo dan Rasional Logo Hari Kebangsaan 2018
18 Sumbangan Logo Sayangi Malaysiaku
30 Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018
46 Acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2018
74 Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri-negeri
104 Sambutan Hari Malaysia 2018
120 Forum Perdana Ehwal Islam Khas Merdeka
124 Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2018
144 MyMerdeka Sayangi Malaysiaku
166 Pidato Kenegaraan 2018
176 Pengisahan Kenegaraan 2018
184 Pertandingan Keceriaan Negaraku
196 Anak-Anak Malaysia *Walk*
208 Senarai Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018
209 Penutup
210 Keratan Akhbar
214 Instagram dan Facebook

Sesuai dengan pencapaian dan perasaan yang kita lalui dan kongsi bersama, tema Hari Kebangsaan tahun ini ialah,
Sayangi Malaysiaku.
Diharap agar perasaan ini kekal di hati kita semua.
Saya yakin, selagi perasaan ini ada bersama kita semua, apa sahaja perbezaan, percanggahan dan rasa sangsi yang timbul, Malaysia akan tetap utuh dan maju.

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Perdana Menteri Malaysia

Petikan daripada Perutusan Perdana Menteri sempena Hari Kebangsaan 2018

Kita sedang melalui permulaan perjalanan
baharu bagi negara yang tercinta ini.
Ayuh! Bersama-samalah kita membina Malaysia yang lebih teguh, cemerlang dan dihormati di mata dunia.

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Petikan daripada Perutusan Timbalan Perdana Menteri sempena Hari Kebangsaan 2018

GOBIND SINGH DEO

Tahun ini adalah sambutan perayaan
Hari Kemerdekaan ke-61 dan juga merupakan sambutan kemerdekaan
yang penuh bersejarah. Ini memandangkan buat pertama kalinya,
kita bersama-sama akan meraikan sambutan ini di bawah tampuk
**kepimpinan kerajaan baharu - Kerajaan Pakatan Harapan,
yang dipimpin oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad.
Kerajaan baharu pilihan rakyat ini akan memastikan kegemilangan
baharu akan dilakar dan dikecapi oleh semua rakyat
dari sekarang dan seterusnya di masa hadapan.**

TUAN GOBIND SINGH DEO
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Petikan Ucapan Sidang Media Pengumuman Logo dan Lagu Hari Kebangsaan 2018

TEMA, LAGU, LOGO DAN RASIONAL LOGO HARI KEBANGSAAN 2018

TEMA HARI KEBANGSAAN 2018

#SAYANGI MALAYSIAKU

menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara tanpa mengira perbezaan kaum, agama, bangsa dan fahaman.

LAGU HARI KEBANGSAAN 2018

KITA PUNYA MALAYSIA

31 Bulan 8, 57
Perjuangkan pertahankan tanah airku
Impian aku gemilang baru
Satu suara laungkan (Merdeka)
Bangkit semua demi negara
Selamanya

Kita Merdeka
Sayangi Malaysiaku
Sayangi Malaysiaku
Tanah Airku, (Ini Kita Punya)
Sayangi Malaysiaku
Sayangi Malaysia
Satu Suara Laungkan, (Merdeka)

Jangan lemah bangunlah
Buat baru semula
Percayalah hari ini
Kita punya
Impian aku gemilang baru
Satu suara laungkan, (Merdeka)
Bangkit semua demi negara
Selamanya

Penyanyi: **Bunkface**
Lirik dan Lagu: **Sam Bunkface**

RASIONAL LOGO

HARI KEBANGSAAN 2018

Sayangi Malaysiaku

Logo ini menggambarkan simbol tiga orang melakukan gerakan riang mengangkat tangan, dengan satu bentuk hati di hadapan yang menyatukan ketiga-tiga orang itu.

Logo ini membawa maksud warganegara Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa hidup dalam kepelbagaian, harmoni, seia-sekata, bersatu-padu dan terpahat perasaan kasih sayang yang kukuh kepada negara Malaysia. Penggunaan warna-warna adalah berdasarkan Jalur Gemilang iaitu merah, biru, putih dan kuning yang membawa maksudnya tersendiri.

Logo hasil ciptaan **Nik Zulkifli Nik Hitam**

> **Berbanggalah untuk mengibarkan Jalur Gemilang di mana-mana sahaja; di rumah, di kereta, di bangunan dan di mana sahaja yang sesuai. Kibarkanlah Jalur Gemilang bagi menzahirkan rasa cinta terhadap negara. Bersamalah kita bangun tegap dengan bangganya untuk Sayangi Malaysiaku kerana negara Malaysia adalah Kita Punya.**

Amanat Hari Kebangsaan 2018
oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad

#SayangiMalaysiaku

HARI KEBANGSAAN

PERPADUAN & KEHARMONIAN MENCERMINKAN KESEFAHAMAN

Sayangi Malaysiaku menjadi tema sambutan Bulan Kebangsaan pada tahun 2018. Setiap tahun menjelang sambutan ulang tahun Hari Kemerdekaan, rakyat Malaysia tidak asing lagi dengan tema sambutan yang berganti. Walaupun slogan berganti, tetapi jika slogan tersebut dibaca dan diteliti, ia akan membawa satu mesej yang sama iaitu kepentingan masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama di negara ini agar hidup bersatu-padu, saling menghormati antara satu sama lain serta saling membantu sesama jiran tetangga. Tema Sayangi Malaysiaku menyahut rakyat agar bersatu mempertahankan negara di samping mewujudkan kesedaran rasa sayang dan cintakan negara.



Perpaduan yang kuat dan kukuh antara rakyat mampu menjana kejayaan dan kecemerlangan bagi kesejahteraan serta kemakmuran negara. Oleh yang demikian, perpaduan dan keharmonian adalah elemen yang sangat penting dalam mengekalkan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Tanpa perpaduan, nescaya kemerdekaan dan kedaulatan negara yang telah diperoleh sejak sekian lama akan hilang dalam sekelip mata.

Tahun ini, sambutan Hari Kebangsaan diadakan di Dataran Putrajaya dan menyaksikan lautan manusia termasuk pelancong asing mengambil peluang menghayati sambutan Hari Kebangsaan. Sokongan luar biasa rakyat Malaysia terhadap sambutan Hari Kebangsaan saban tahun membuktikan semangat patriotisme tidak pernah luntur malah semakin utuh dalam jiwa rakyat negara ini. Pelbagai kaum bermegah mengibarkan bendera Malaysia dan akan memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan 2018.

MENGGELORAKAN

SEMANGAT PATRIOTIK

Semangat bagi merayakan Hari Kemerdekaan tidak pernah luntur dalam diri rakyat Malaysia malah ada di antara mereka yang tampil unik dengan cara tersendiri. Warga emas, dewasa dan belia, malah kanak-kanak tidak terkecuali untuk menyambut Hari Kemerdekaan dengan gaya yang sangat menarik. Lebih menarik apabila pelancong asing turut tidak terkecuali untuk merasai sendiri kemeriahan dan semangat patriotik rakyat Malaysia pada hari tersebut.



WIRA-WIRA NEGARA

PERJUANGAN YANG TIDAK PERNAH GENTAR

Pada hari yang bersejarah ini, marilah sama-sama kita lafazkan syukur dan menzahirkan rasa bangga atas segala nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang telah berjaya dipertahankan selama ini. Keringat, darah dan air mata pejuang-pejuang yang menjadi benteng mempertahankan negara tidak dilupakan. Wira-wira negara kita, bertugas siang dan malam, di laut, udara dan darat bagi memastikan keselamatan negara terjamin. Mereka juga dihantar bertugas di luar negara dan semua ini mampu dilakukan atas rasa cinta pada negara.

HARI MALAYSIA

DIBANJIRI PELBAGAI KAUM

Sambutan Hari Malaysia berlangsung dalam suasana meriah dan penuh patriotik apabila ribuan manusia menyaksikan upacara bersejarah itu. Pelbagai lapisan masyarakat dan anak-anak kecil yang memegang Jalur Gemilang kelihatan cukup ceria dan bersemangat mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang acara berlangsung dengan diiringi nyanyian lagu patriotik.

PENUBUHAN MALAYSIA

16 September 1963

Malaysia dimasyhurkan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur dan disaksikan oleh lebih kurang 30,000 orang rakyat Malaysia ketika itu. Wawasan bagi penubuhan sebuah negara yang bersatu menjadi realiti dengan lahirnya sebuah negara yang dinamakan sebagai Malaysia. Bagaimanapun, Singapura telah membentuk kerajaan sendiri pada tahun 1965.

SUMBANGAN LOGO
SAYANGI MALAYSIAKU

Sumbangan 632 logo Sayangi Malaysiaku

bukti manifestasi kasih sayang kepada negara

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini membawa kelainan apabila membuka peluang kepada rakyat Malaysia untuk berkongsi idea kreatif dalam ciptaan logo dan mengemukakan cadangan berkenaan sambutan yang mereka harapkan.

Sebanyak 632 sumbangan logo diterima oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia melalui Jabatan Penerangan Malaysia selaku Urus Setia Logo Sayangi Malaysiaku. Penyertaan sumbangan logo dibuka selama sebulan kepada orang ramai mulai 7 Jun sehingga 7 Julai 2018. Logo Hari Kebangsaan bertemakan Sayangi Malaysiaku disenarai pendek oleh para juri dan melalui proses pemilihan di peringkat jemaah menteri sebelum dipilih secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia sebagai logo rasmi bagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018.

Trivia

- Jumlah logo **632**
- Penyertaan seorang **warga emas** berusia **84 tahun** manakala **paling muda** pelajar sekolah berusia **15 tahun**
- Penyertaan **lima (5) Orang Kurang Upaya (OKU)**, **lapan (8) warga emas**
- **46 logo** yang dicipta secara tulisan tangan

Pemilihan Sumbangan Logo Peringkat Jabatan Penerangan Malaysia

Semua sumbangan logo dinilai oleh panel juri bertauliah (dari kiri) Joseph Foo, *Founding Partner & Executive Creative Director 3nity*, YM Profesor Dato' Raja Zahabuddin Raja Yaakob, Ahli Lembaga Galeri Shah Alam dan Mohd Roffee Mohamad, Pengarah Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka Jabatan Penerangan Malaysia.

Penilaian Logo Sayangi Malaysiaku sempena Hari Kebangsaan 2018 berlangsung pada 8 Julai 2018 di Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka, Jabatan Penerangan Malaysia.

Pemilihan Sumbangan Logo Peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia bersama-sama Dato' Dr. Mohd Ali Mohamed Nor, Ketua Setiausaha KKMM dan Dato' Ibrahim Abdul Rahman, Ketua Pengarah Penerangan Malaysia dalam sesi pemilihan logo sumbangan rakyat Malaysia.

Pemilihan Sumbangan Logo oleh Perdana Menteri Malaysia

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Tuan Gobind Singh Deo sedang menerangkan bahan promosi dan rasional logo yang disenarai pendek kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

120,984 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

Tun Dr. Mahathir Mohamad sedang memperkatakan pendapat tentang logo Sayangi Malaysiaku.

Sesi pemilihan Logo Sayangi Malaysiaku berlangsung pada 25 Julai 2018 di Pejabat Perdana Menteri.

Sidang Media Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018

"Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini bertemakan Sayangi Malaysiaku, yang dipilih bagi meraikan dan mempertingkatkan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia." - Tuan Gobind Singh Deo

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

Follow

Para pengamal media tidak melepaskan peluang merakamkan gambar logo Sayangi Malaysiaku yang terpilih sebagai logo rasmi Hari Kebangsaan 2018.

78,311 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

(Dari kiri) Dato' Ibrahim Abdul Rahman, Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Dato' Dr. Mohd Ali Mohamed Nor, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Dato' Samsuni Mohd Nor, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia menunjukkan Logo Sayangi Malaysiaku secara dekat kepada pemberita ketika sidang media memperkenalkan Logo dan Lagu Rasmi Hari Kebangsaan 2018.

PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2018

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

FOLLOW

100,118 likes

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018
#SayangiMalaysiaku

Pulau Pinang Tuan Rumah

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 disempurnakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 4 Ogos 2018 di Padang Kota Lama, Pulau Pinang. Kemeriahan sambutan program ini bermula pada 3 Ogos 2018 dengan pelbagai aktiviti dilaksanakan seperti Pameran *Caring Bridge*, Jualan *My Best Buy* FAMA, Persembahan Buskers Sayangi Malaysiaku dan banyak lagi.

Ketibaan Tun Dr. Mahathir Mohamad diiringi Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail ke Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 di Padang Kota Lama, George Town, Pulau Pinang.

Antara tetamu kehormat yang hadir ke Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018.

Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang memberikan ucapan aluan selaku tuan rumah bagi sambutan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018.

Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia turut menyampaikan ucapan selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018.



“Kita akan berpegang kuat kepada *the rule of law*, pemerintahan mengikut undang-undang walaupun proses ini mengambil masa. Kita utamakan keadilan. Inilah janji kita. Semua ini kita lakukan kerana Malaysia adalah kita punya.”

Tun Dr. Mahathir Mohamad
Perdana Menteri Malaysia

Acara menaikkan Jalur Gemilang sebagai tanda bermulanya Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang bagi tahun 2018.

Sambutan Bulan Kebangsaan 2018 mencipta sejarah kerana pertama kali diraikan di bawah kepimpinan kerajaan baharu Pakatan Harapan (PH).



Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

Follow

Penglibatan Aktivis Sayangi Malaysiaku memeriahkan lagi Pelancaran Bulan Kebangsaan 2018.

100,984 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

Sambutan Bulan Kebangsaan disambut meriah oleh pelbagai lapisan masyarakat di seluruh Malaysia.

Acara larian sempena Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan di Padang Kota Lama, Pulau Pinang.

Larian Merdeka disempurnakan oleh Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Para Aktivis Sayangi Malaysiaku terdiri daripada pelajar IPTA/IPTS sedang diberi taklimat mengenai peranan masing-masing semasa program berlangsung.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
FOLLOW

Lintas langsung dari Padang Kota Lama menerusi Mini Studio Mutiara FM.

Like Comment Share

Di belakang tabir! Persiapan Program Pelancaran Hari Kebangsaan & Kibar Jalur Gemilang 2018 begitu giat dijalankan untuk memastikan kelancaran program.



ACARA PERBARISAN DAN PERARAKAN HARI KEBANGSAAN 2018

Lebih 300,000 Orang Banjiri Dataran Putrajaya

Semarakkan Sambutan 31 Ogos 2018

Sambutan Hari Kebangsaan 2018 dengan tema Sayangi Malaysiaku menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara tanpa mengira perbezaan kaum, agama, bangsa dan fahaman. Dataran Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya dipilih sebagai tuan rumah bagi sambutan ini setelah dua kali diadakan di Putrajaya sebelum ini. Kali terakhir acara perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan ini diadakan di Putrajaya adalah pada tahun 2005.

Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2018 kali ini dipengerusikan oleh Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2018 diurus setiakan oleh Jabatan Perdana Menteri dan dibantu oleh Angkatan Tentera Malaysia manakala garapan dan penyelarasan persembahan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Persembahan nyanyian yang menggabungkan kekuatan vokal anggota badan beruniform menjadi perhatian netizen dan seluruh rakyat Malaysia.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
FOLLOW

Aktivis Sayangi Malaysiaku mengagihkan Jalur Gemilang kepada orang ramai.

Like Comment Share



Peserta Kontinjen Veteran ATM antara yang terlibat dalam acara perbarisan dan perarakan.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dan Tuan Gobind Singh Deo tersenyum apabila menerima sorakan gemuruh daripada khalayak ramai.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dan Dato' Seri Anwar Ibrahim kelihatan ceria di pentas utama Dataran Putrajaya.



Seramai kira-kira 300,000 orang rakyat Malaysia berbilang kaum dari sekitar Putrajaya, Lembah Klang dan negeri-negeri lain termasuk pengunjung luar negara hadir menyaksikan acara bersejarah negara bagi menunjukkan semangat kemerdekaan.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

"Merdeka! Merdeka! Merdeka" laungan penuh semangat oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama-sama rakyat Malaysia yang hadir di Dataran Putrajaya.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
FOLLOW

Laungan penuh semangat anak muda Malaysia.

Like Comment Share

Seluruh rakyat Malaysia pelbagai kaum, bangsa dan agama bersatu meraikan hari bersejarah negara.



Semangat patriotik generasi pewaris negara mewarnai kemeriahan sambutan kemerdekaan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V berkenan berangkat mencemar duli untuk bersama-sama rakyat meraikan sambutan Hari Kebangsaan 2018. Turut hadir ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri dan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

Follow

Acara menaikkan Jalur Gemilang diiringi nyanyian Lagu Negaraku bergema di Dataran Putrajaya.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

Like Comment Share

Acara bacaan ikrar dalam pakaian tradisional pelbagai etnik bersempena sambutan Hari Kebangsaan 2018 di Dataran Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 31 Ogos 2018.

Acara perbarisan dan perarakan didahului oleh kontinjen pembawa bendera besar bersaiz 80 kaki x 40 kaki.

Kontinjen Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2018 melintasi pentas utama.

Gelagat si kecil bersama bapa dalam menyemarakkan kemerdekaan.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

FOLLOW

Buat pertama kali, kontinjen Sayangi Malaysiaku yang melibatkan 800 peserta mengambil bahagian dalam Sambutan Hari Kebangsaan 2018 di Dataran Putrajaya.

Like Comment Share

Gandingan pengacara majlis, Saifulkhairi Ahmad Hasibuan dan Pang Chinn Fei penuh semangat mengibarkan Jalur Gemilang.

Kontinjen GLC dan Sektor Swasta turut serta dalam perarakan di pentas utama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V berkenan melambai balas kepada kontinjen yang melalui pentas utama.

Helikopter di ruang udara Putrajaya membuat lintas hormat.



Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Segak...Langkah penuh karisma Kontinjen Keselamatan Negara dalam Acara Perbarisan dan Perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2018.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
FOLLOW

16 pesawat Pilatus PC7 membuat formasi nombor 61 sebagai simbolik sambutan kemerdekaan tahun ini.

Like Comment Share

Kontinjen perarakan membabitkan 12,714 orang, 25 ekor anjing, 60 ekor kuda, 251 aset darat dan 54 aset udara milik Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan agensi lain.

Wajah-wajah ceria rakyat Malaysia dan pelancong luar negara mewarnai sambutan Hari Kebangsaan 2018 di Putrajaya.

Wanita tulang belakang pemimpin nombor 1 negara, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali melambai mesra orang ramai yang hadir ke Dataran Putrajaya.

Sayangi Malaysiaku suntik semangat patriotisme dan cintakan negara.

Persembahan penuh tenaga Faizal Tahir berjaya memukau hati penonton.

SAMBUTAN
HARI KEBANGSAAN 2018
PERINGKAT NEGERI-NEGERI

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

FOLLOW

200,622 likes

Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Peringkat Negeri-Negeri
#SayangiMalaysiaku

Hari Kebangsaan 2018

Disambut Meriah di Seluruh Pelosok Tanah Air

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan memberi tabik hormat kepada panji Rejimen Askar Jurutera Diraja, 2 Division, Kem Sangro, Taiping pada Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Perak.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Perak berlangsung di hadapan Dewan Bandaran Ipoh.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
FOLLOW

Perbarisan dan Perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Perak disertai oleh pertunjukan daripada Kelab Basikal Daerah Kinta.

Like Comment Share

Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Negeri Kedah

KDYMM Sultan Kedah Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah berkenan memeriksa kawalan kehormatan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Kedah.

Acara Perbarisan dan Perarakan disertai Kontinjen Keselamatan Negara. Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Kedah berlangsung cukup meriah dengan kehadiran lebih 5,000 pengunjung di Dataran Medan Bandar, Alor Setar.

Sambutan bertemakan Sayangi Malaysiaku dimulakan dengan pemeriksaan kawalan kehormatan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Abdul Rahman Abbas. Kemeriahan sambutan disaksikan lebih 5,000 pengunjung berbilang bangsa serta peringkat umur.

DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir memberi tabik hormat kepada barisan kontinjen sempena Acara Perarakan dan Perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat Negeri Sembilan di Dataran Majlis Perbandaran Seremban (MPS).

Acara menaikkan Jalur Gemilang oleh Angkatan Tentera Malaysia ketika nyanyian Lagu Negaraku.

Persembahan menarik memukau pengunjung yang hadir.

Tuan Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor bersama-sama tetamu kehormat yang lain mengibarkan Jalur Gemilang sempena Hari Kebangsaan 2018 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Lebih 20,000 rakyat Selangor hadir memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Selangor di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Salah satu aksi mendebarkan Pasukan Akrobatik Motosikal *Red Army Warrior* yang mendapat tepukan gemuruh penonton.

Laungan "Merdeka" daripada Tun Dr. Mohd. Khalil Yaakob, TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka dan barisan Exco.

Kayuhan Gemilang Merdeka di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Banda Hilir, Melaka.



MERIAH...generasi muda turut menyambut Hari Kebangsaan 2018 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pelajar sekolah memeriahkan aktiviti sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Saya Anak Malaysia!" Pelajar-pelajar SK Bukit Kalam mengibarkan Jalur Gemilang sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Pelancaran Konvoi Kembara Merdeka yang disempurnakan oleh Datuk Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.

Datuk Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan berjalan kaki beramai-ramai meraikan Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Datuk Seri Panglima Mohd. Shafie Apdal, Ketua Menteri Negeri Sabah (tengah) mengibarkan Jalur Gemilang semasa menyaksikan persembahan semasa Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Sabah. Turut kelihatan bersama-sama dengan beliau ialah Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Timbalan Ketua Menteri, dan Datuk Peter Anthony, Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah.

Perbarisan Kontinjen Jabatan Kerja Raya Sabah antara yang mengambil bahagian dalam perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Sabah.

Acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Johor disambut meriah di Dataran Tanjung Emas, Muar.

Datuk Osman Sapian, Menteri Besar Johor melambai mesra kepada pengunjung yang hadir ke Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Johor. Pelbagai aktiviti dan acara sambutan dapat disaksikan oleh masyarakat negeri Johor.

Kontinjen Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu ketika melintasi pentas tetamu kehormat pada upacara perbarisan sempena Hari Kebangsaan 2018 di Dataran Batu Buruk, Kuala Terengganu.

Zainal Abidin Husin, Pengarah Tanah dan Galian Terengganu (PTG) mewakili Menteri Besar Terengganu melepaskan konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2018 pada sambutan KMJG 2018 peringkat negeri Terengganu di Dataran Batu Buruk, Kuala Terengganu.

Peserta Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) 2018 mengagihkan Jalur Gemilang kepada peniaga ketika konvoi singgah di Pasar Minggu Kuala Besut.

BERSEMANGAT... Pasukan perbarisan wanita ketika menyertai acara perbarisan sempena Hari Kebangsaan 2018 di Dataran Batu Buruk, Kuala Terengganu.

Anggota tentera membawa Jalur Gemilang melintasi pentas tetamu kehormat.

Sambutan Bulan Kebangsaan 2018 peringkat negeri Kelantan dimulakan dengan perarakan masuk pembawa Jalur Gemilang oleh 61 orang anggota daripada Kem 8 Briged Pengkalan Chepa.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Persembahan paluan gong 24 musim oleh 30 pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa, Kota Bharu, Kelantan.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
FOLLOW

Acara penyampaian hadiah oleh Menteri Besar Kelantan kepada kontinjen terbaik sempena Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Kelantan.

Like Comment Share

Sambutan Hari Kebangsaan 2018 Negeri Perlis

Perarakan masuk Jalur Gemilang dan kontinjen-kontinjen bagi meraikan Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Perlis di Stadium Tuanku Syed Putra di Kangar, Perlis.

Pelbagai acara menarik sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Perlis.

KDYMM Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan memeriksa kawalan kehormatan perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Pahang di Jalan Mahkota, Kuantan, Pahang.

Perbarisan instrumen muzik oleh para pelajar sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Pahang.

SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2018

Negeri di Bawah Bayu Dipilih Sebagai Tuan Rumah

Sambutan Hari Malaysia 2018

Sambutan Hari Malaysia 2018 pada tahun ini istimewa dan berbeza kerana buat pertama kalinya disambut dengan kerajaan Persekutuan yang baharu. Tanggal 16 September 2018, Sabah dipilih sebagai tuan rumah bagi sambutan Hari Malaysia Peringkat Kebangsaan 2018. Seramai 30,000 orang pengunjung hadir memeriahkan sambutan Hari Malaysia ke-55 di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah.

Majlis dihadiri tetamu kehormat TYT Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah RM Jasni,Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia bersama isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri dan Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal, Ketua Menteri Sabah, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, dan pemimpin kerajaan pusat serta negeri, termasuk Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018.

Aktivis Sayangi Malaysiaku berswafoto bersama Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan.

KASIH... Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali mengucup Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dirakam lensa kamera.

Acara menandatangani Buku Catatan Hari Malaysia 2018 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad simbolik kepada penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Turut sama Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal, Ketua Menteri Sabah, Datuk Amar Douglas Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak dan Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Tun Juhar Mahiruddin, TYT Yang di-Pertua Negeri Sabah, (tengah) memotong kek Hari Malaysia 2018 bersama-sama Tun Dr. Mahathir Mohamad serta tetamu kenamaan pada Sambutan Hari Malaysia 2018 di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah.

Penyerahan Jalur Gemilang oleh Norzawiyah Bulka, Pengarah Penerangan Negeri Sabah kepada Perdana Menteri Malaysia sebagai simbolik acara perasmian Sambutan Hari Malaysia 2018.

Persembahan pembukaan berjaya memukau penonton pada malam bersejarah.

Kira-kira 800 orang pelajar sekolah yang dibimbing oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) mempersembahkan tarian khas menggamit suasana pada malam itu.

Persembahan kepelbagaian dan keunikan etnik yang terdapat di negeri Sabah sungguh meriah dan penuh warna-warni.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

Follow

Sambutan Hari Malaysia 2018 meriah dengan pertunjukan bunga api.

100,000 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

Kehadiran pengunjung seramai 30,000 orang memeriahkan Sambutan Hari Malaysia peringkat Kebangsaan 2018.

Sambutan

MALAYSIA

Tun Juhar Mahiruddin,TYT Yang di-Pertua Negeri Sabah dan isteri Toh Puan Norlidah RM Jasni, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia bersama isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri dan Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal, Ketua Menteri Sabah serta barisan menteri mengibarkan Jalur Gemilang ketika hadir pada Sambutan Hari Malaysia 2018 bertemakan Sayangi Malaysiaku di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah.

Semangat Malaysia Baharu semarak sambutan Hari Malaysia 2018.





FORUM PERDANA
EHWAL ISLAM KHAS MERDEKA

Forum Perdana Ehwal Islam Khas Merdeka Hayati Maksud Sayangi Malaysiaku

Forum perdana yang bertajuk Sayangi Malaysiaku dianjurkan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018. Forum ini menampilkan tiga panelis terkenal antaranya Prof Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Ustaz Mohd Elyas Ismail, pendakwah bebas; Asyraf Mohd Ridzuan atau lebih dikenali sebagai Imam Muda Asyraf, pendakwah selebriti dan Ustaz Mohamad Zarifi Mohamad Daud selaku moderator. Forum ini disiarkan secara langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Forum Perdana Ehwal Islam Khas Merdeka mengupas topik Sayangi Malaysiaku.

Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan isteri serta Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Tuan Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia hadir sama ke Program Forum Perdana Ehwal Islam Khas 2018 di Masjid Putra, Putrajaya.

KONVOI KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG 2018

Misi Konvoi KMJG2018

Galakkan Orang Ramai Kibarkan Jalur Gemilang

Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2018 (KMJG2018) dilancarkan oleh Perdana Menteri di Padang Kota Lama, George Town, Pulau Pinang pada 4 Ogos 2018 sempena Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018.

Jelajah KMJG2018 ke seluruh Semenanjung Malaysia bermula dari 5 Ogos 2018 di Seberang Jaya, Pulau Pinang dan berakhir pada 31 Ogos 2018 di Dataran Gemilang, Putrajaya. Sebanyak 16 kenderaan dari Jabatan Penerangan Malaysia, agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta 30 buah motosikal dari ST1300 MMC dan 135 orang peserta mengambil bahagian dan menjayakan konvoi KMJG2018.

Pelepasan konvoi KMJG2018 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia bersama-sama Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Dato' Ibrahim Abdul Rahman, Ketua Pengarah Penerangan Malaysia di Padang Kota Lama, Pulau Pinang.

Dato' Ibrahim Abdul Rahman selaku Ketua Kontinjen KMJG2018 menunggang motosikal berkuasa tinggi bersama Kumpulan ST1300 MMC.

Peserta konvoi KMJG2018 mengedarkan Jalur Gemilang kepada orang ramai dan para peniaga di pasar-pasar dan premis perniagaan.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Penyerahan Jalur Gemilang kepada jabatan dan agensi kerajaan sempena Pelancaran KMJG2018 negeri Kedah.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
FOLLOW

Like Comment Share

Perjalanan konvoi KMJG2018 dari Gerik ke Jeli, Kelantan melalui Tasik Banding, Perak.

Sambutan orang ramai amat menggalakkan sepanjang jelajah konvoi KMJG2018 di setiap negeri.

Kembara Merdeka Jalur Gemilang peringkat negeri Pahang dilancarkan di SK Balok, Pekan, Pahang.

Mc Donalds yang juga merupakan salah satu rakan strategik agensi korporat konvoi KMJG2018 turut memberikan sumbangan berupa makanan.

Sambutan Konvoi KMJG2018 dan Kibar Jalur Gemilang disambut meriah oleh rakyat pelbagai kaum.

Pemupukan semangat cintakan negara bermula daripada peringkat awal. Si cilik tidak mahu ketinggalan untuk menzahirkan semangat Sayangi Malaysiaku dan menyemarakkan Bulan Kebangsaan 2018.

Persembahan badan beruniform sempena Pelancaran KMJG2018 peringkat negeri Perak di Padang Tanjung Rambutan, Perak.

Perasmian Pelancaran Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2018 peringkat negeri Selangor disempurnakan oleh Tuan Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor.

Simbolik penyerahan dan menaikkan Jalur Gemilang oleh Nik Nazmi Nik Ahmad, Ahli Parlimen Setiawangsa kepada Persatuan Veteran ATM di Seri Rampai Business Park, Setiawangsa, Selangor.

Acara menandatangani buku KMJG2018 di setiap lokasi persinggahan konvoi sebagai tanda kenang-kenangan dan sokongan.

Tuan Kamaruddin Jaafar, Timbalan Menteri Pengangkutan bersama pasukan Konvoi KMJG2018 di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Kuala Lumpur.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

Follow

Kejutan bermakna apabila konvoi terserempak dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri di IOI Mall Putrajaya.

120,984 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

Peserta konvoi KMJG2018 bergambar kenangan selepas menamatkan penjelajahan ke semua negeri.

MyMerdeka
SAYANGI MALAYSIAKU

MyMerdeka Sayangi Malaysiaku

Miliki *Feel Good Factor*

Jabatan Penerangan Malaysia meneruskan Program MyMerdeka Sayangi Malaysiaku sempena sambutan Bulan Kebangsaan 2018.

Penganjuran program yang memasuki tahun ketiga ini mempunyai *feel good factor* tersendiri selain mampu menyumbang kepada melahirkan masyarakat yang memiliki jati diri, memahami dan menerima falsafah serta dasar-dasar negara. Program ini dilaksanakan di lima (5) lokasi bermula 3 Ogos 2018 dan berakhir pada 16 September 2018.

Program MyMerdeka Sayangi Malaysiaku adalah pameran berkonsepkan komunikasi visual secara bersemuka mendapat kerjasama daripada MYDIN Mohamed Bhd. Program ini bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat melalui penghayatan secara visual yang memaparkan aspirasi atau hasrat kerajaan mewujudkan negara yang bersatu-padu dan mengamalkan toleransi antara kaum.

Gelagat pengunjung Pameran MyMerdeka Sayangi Malaysiaku yang berlangsung di MYDIN Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Pengunjung cilik tidak ketinggalan mendapatkan Jalur Gemilang daripada pegawai petugas pameran.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Dr. Afif Bahardin, Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan ADUN Seberang Jaya sedang mendengar penerangan berkenaan bahan penerbitan yang diterbitkan oleh Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia.

105,000 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan antaranya Pameran Sejarah Negara, Pameran Raja Kita, Pameran Koleksi Logo Hari Kebangsaan, Sudut Karikatur, Persembahan PENTARAMA, Pertandingan Bintang Patriotik, Pertandingan Mewarna Untuk Kanak-kanak, Kuiz Kenegaraan, Sudut Tayangan Multimedia dan Video Kenegaraan, Layar Bestari dan Klinik Foto@JaPen.

Dato' Samsuni Mohd Nor, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia menyerahkan cenderahati kepada Dr. Afif Bahardin sambil disaksikan Dato' Seri Farizan Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (dua,kiri), Dato' Ibrahim Abdul Rahman, Ketua Pengarah Penerangan Malaysia (dua,kanan), Dato' Dr. Saduruddin Gulam Hussain, Pengarah Urusan Mydin Wilayah Utara (kiri,sekali) dan Mohd Roffee Mohamad, Pengarah Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka.

Acara pelepasan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang oleh Dr. Afif Bahardin berlangsung di Mydin Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

MyMerdeka Sayangi Malaysiaku, USJ Subang Jaya, Selangor

Puan Michelle Ng Mei Sze, ADUN Subang Jaya diiringi Dato' Ibrahim Abdul Rahman, Ketua Penerangan Malaysia menandatangani poster My Merdeka semasa lawatan ke *booth* Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia.

PERISTIWA &
KEWARTAWANAN
UTAMA 32
Semangat Malaysia
MADE THE
SCHOOL WAY
MYDIN
HARI KEMERDEKAAN

Barisan Rakan Strategik Program MyMerdeka bersama-sama tetamu kehormat bergambar di pentas utama.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
FOLLOW
MYDIN
SURIA
Gelagat pengunjung yang ditemubual oleh penyampai radio SURIA FM sewaktu siaran luar secara langsung di perkarangan pasar raya MYDIN USJ Subang Jaya.
30,362 likes
Sambutan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2018
#SayangiMalaysiaku
TERMIZI
KJLJD

MyMerdeka Sayangi Malaysiaku, Meru Raya, Ipoh

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

FOLLOW

100,500 likes

Sambutan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2018
#SayangiMalaysiaku

Pertandingan Mewarna Kanak-kanak antara aktiviti menarik sempena MyMerdeka Sayangi Malaysiaku bagi menyemarakkan Bulan Kebangsaan 2018.



Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

"Hebat suara anak Malaysia!"
Aksi peserta Pertandingan Karaoke Lagu Patriotik.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Kunjungan Tuan Hasnul Zulkarnain, ADUN Titi Serong, Perak dan tetamu kenamaan di booth pameran Jabatan Penerangan Malaysia.

120,040 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

Timothy A/L Palavadram, Penolong Pengarah Bahagian Penerbitan Dasar Negara memberi penerangan berkaitan bahan penerbitan Jabatan Penerangan kepada Tuan Hasnul Zulkarnain.

Pengunjung cilik juga tidak melepaskan peluang menyertai aktiviti yang disediakan di pameran tersebut.

Penyerahan cenderahati kepada Tuan Hasnul Zulkarnain yang telah sudi melawat ke pameran MDEC.

MyMerdeka Sayangi Malaysiaku, Mutiara Rini, Johor Bahru

Sheikh Umar Bagharib Ali, Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif Negeri Johor merasmikan MyMerdeka Sayangi Malaysiaku yang berlangsung selama tiga hari di Mydin Mutiara, Johor Bahru.

Aktiviti-aktiviti yang berlangsung di sekitar program ini menggamit ramai pengunjung untuk mendapatkan pelbagai informasi secara santai.

Didi and Friends turut memeriahkan MyMerdeka Sayangi Malaysiaku di Mydin Mutiara Rini, Johor Bahru

MyMerdeka Sayangi Malaysiaku, Petrajaya, Kuching Sarawak

Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak merasmikan Program MyMerdeka Sayangi Malaysiaku di Mydin Petrajaya, Kuching, Sarawak.

Para pelajar dan tetamu yang hadir mengibarkan Jalur Gemilang semasa majlis perasmian.

Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah tertarik dengan kamera *'speed grahic'* yang digunakan pada tahun 1948. Kamera jenis yang sama digunakan oleh jurufoto untuk merakamkan detik laungan 'Merdeka' oleh Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

MyPledge ialah inisiatif Mydin bagi mengajak rakyat Malaysia menyatakan ikrar merdeka pada negara.

PIDATO KENEGARAAN 2018

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

FOLLOW

Pertandingan Akhir Pidato Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2018 dirasmikan oleh Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal, Ketua Menteri Sabah di UiTM Cawangan Sabah, Kota Kinabalu.

100,356 likes

Pidato Kenegaraan 2018
#SayangiMalaysiaku

Pidato Kenegaraan 2018

Perkasa Bahasa Kebangsaan, Perkukuh Jiwa Bangsa

Bertemakan Sayangi Malaysiaku, Pertandingan Pidato Kenegaraan adalah sebagai salah satu medium bagi menggalakkan serta mencungkil bakat berpidato di samping meningkatkan semangat kecintaan terhadap negara.

Program ini juga bertujuan menyuburkan dan mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, Pertandingan Pidato Kenegaraan adalah salah satu usaha dalam memperkasakan lagi penggunaan bahasa Kebangsaan oleh pelbagai kaum di dalam kehidupan seharian.

Pertandingan Pidato Kenegaraan 2018 peringkat negeri bermula 19 April 2018 sehingga 14 Ogos 2018 melibatkan seluruh negeri di Malaysia. Ia terbuka kepada semua golongan peringkat umur dari 12 tahun ke atas.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Mohd Rafee Mohamad mewakili negeri Sabah dinobat sebagai Johan Pertandingan Akhir Pidato Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2018.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
FOLLOW

Anis Hazirah Zakaria, peserta dari Terengganu mendapat tempat naib johan dalam Pertandingan Akhir Pidato Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2018.

Like Comment Share

Para pemenang dan peserta Pertandingan Pidato Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2018 yang diadakan di UiTM Cawangan Sabah, Kota Kinabalu pada 23 September 2018.

Siti Nor Mardiana Shahrom mewakili daerah Kota Setar sedang menyampaikan pidato di IKBN Jitra Kedah.

Persembahan daripada Juara Pidato Kenegaraan 2018 peringkat negeri Selangor, Ahmad Faiq Ariff Abdul Manan dari daerah Petaling.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Aksi peserta Kuala Nerus, Anis Hazirah Zakaria ketika menyampaikan pidato berjudul 'Masyarakat Yang Penyayang dan Berbudi Bahasa Membentuk Negara Yang Harmoni' pada Pertandingan Pidato Kenegaraan 2018 peringkat negeri Terengganu yang diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu.

JAPEN
15 min

#SayangiMalaysiaku

Like
Share

Semua peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Pidato Kenegaraan peringkat negeri Pahang bergambar beramai-ramai.

Semua peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Pidato Kenegaraan 2018 peringkat negeri Pulau Pinang bergambar kenangan.

Johan Pertandingan Pidato Kenegaraan 2018 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

FOLLOW

Para pemenang bagi Pertandingan Pidato Kenegaraan 2018 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

100,500 likes

Sambutan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2018
#SayangiMalaysiaku

PENGISAHAN KENEGARAAN 2018

Hayati Sejarah Tanah Air Melalui Pertandingan Pengisahan Kenegaraan

Bagi meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia telah mengambil insiatif menganjurkan Pertandingan Pengisahan Kenegaraan. Pertandingan ini adalah aktiviti tahunan jabatan yang diadakan di peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat kebangsaan. Sambutan terhadap program ini sangat menggalakkan memandangkan ia memberi informasi secara santai melalui persembahan penceritaan mengenai sejarah secara berkumpulan. Persembahan ala teater sememangnya amat digemari oleh generasi muda dan salah satu kaedah menghayati kisah sejarah tanah air yang disampaikan oleh para peserta.

Persembahan bertajuk Parit Sulong: Titik Hitam Yang Kekal Dalam Peta Sejarah telah membawa tuah kepada kumpulan dari Johor ini.

Persembahan menarik Kumpulan Patriot Johor dari Negeri Johor.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

Follow

Salah satu babak di dalam persembahan pengisahan Kumpulan Mestika Jauhari dari negeri Pahang.

106,359 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

Tajuk pengisahan Ku Kenang Tongkat Warrant telah mengangkat kumpulan dari Pahang ini sebagai Naib Johan Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2018.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia
Follow

Kumpulan Magang Teater Senibayan, Pulau Pinang dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2018.

Tahniah diucapkan kepada Johan Pertandingan Pengisahan Kenegaraan peringkat Kebangsaan 2018.

PERTANDINGAN KECERIAAN NEGARAKU

Pertandingan Keceriaan Negaraku

Curahan Idea Kreatif Bersifat Patriotik

Pertandingan Keceriaan Negaraku ialah pertandingan menghias rumah, bangunan, taman perumahan, pintu gerbang dan sebagainya dengan Jalur Gemilang menggunakan bahan-bahan terpakai mengikut kreativiti.

Kategori yang dipertandingkan adalah rumah individu, bangunan kerajaan, taman perumahan, kampung tradisional, pintu gerbang, sekolah rendah, sekolah menengah, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, bangunan swasta dan Komuniti Harapan Malaysia (KHM).

Pertandingan ini memberi pengiktirafan serta penghormatan kepada rakyat Malaysia sama ada secara individu mahupun organisasi yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi dalam menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan negara. Penyertaan yang semakin meningkat saban tahun membuktikan pertandingan ini mendapat sokongan pelbagai pihak.

Pemenang Kategori Sekolah Menengah

Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Esa, Batu Pahat, Johor.

Pemenang Kategori Kampung Tradisional

Kampung Separap, Batu Pahat, Johor.

Pemenang Kategori Bangunan Kerajaan

Pemenang Kategori Individu

Rambli Piee dari Kampung Kuala Segan, Bintulu, Sarawak.

Pemenang Kategori Sekolah Rendah

Sekolah Rendah Kebangsaan Oran, Mata Ayer, Perlis.

Pemenang Kategori Swasta

Maybank Berhad, Dataran Maybank Kuala Lumpur

Pemenang Kategori Taman Perumahan

Perumahan Awam Pantai Murni, Yan, Kedah

Pemenang Kategori Pintu Gerbang



Sekolah Kebangsaan Ulu Ribu, Kuala Kangsar, Perak.

Pemenang Kategori Anjung Komuniti

Komuniti Harapan Malaysia(KHM) Bukit Kecik, Tanah Merah, Kelantan.

Pemenang Kategori Institut Pengajian

Kolej KEDA, Sik, Kedah

ANAK-ANAK MALAYSIA *WALK*

Anak-Anak Malaysia *Walk* 2018

Hampir 10,000 anak-anak Malaysia menyertai program anjuran bersama *The Star*, *EcoWorld*, Jabatan Penerangan Malaysia, jabatan kerajaan dan agensi swasta yang lain. Program bersempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018 ini berlangsung pada 2 September 2018 di *Eco Ardence Sales Gallery*, Setia Alam, Shah Alam. Ia adalah bagi meraikan kepelbagaian dan meningkatkan kesepaduan serta persefahaman dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

Follow

Pelepasan Anak-Anak Malaysia *Walk* 2018 disempurnakan oleh
Tuan Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Liew Kee Sin, Pengerusi Kumpulan *Eco World Development* Berhad,
Tuan Sivarasa Rasiah, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi Yayasan *Eco World*.

105,000 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

Para peserta Anak-Anak Malaysia *Walk* 2018 bergerak bersama-sama bagi meraikan kepelbagaian dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang disambut sepanjang Bulan Kebangsaan 2018.

Peserta Anak-Anak Malaysia *Walk* 2018 bergerak dari *Eco Ardence Sales Gallery* sejauh dua kilometer.

ECO
ARDENCE

Para peserta Anak-Anak Malaysia *Walk* 2018 menerima edaran Jalur Gemilang secara percuma sumbangan Jabatan Penerangan Malaysia.

Lambang keharmonian negara...Anak-Anak Malaysia *Walk* 2018 disertai oleh rakyat pelbagai peringkat umur dan bangsa.

Jabatan Penerangan Malaysia
Government Organization
@japenmalaysia

Follow

"Kami Anak-Anak Malaysia!"

130,450 likes

15 MINUTES AGO

Login to like or comment this ...

